

24/10/2000

Wanita minta henti tuduh cuba halang Puteri Umno

GEORGETOWN, Isnin - Pergerakan Wanita Umno mengingatkan semua pihak berhenti melemparkan tuduhan terhadap kepemimpinan pergerakan itu yang dikatakan cuba menghalang penubuhan Puteri Umno.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata sebaliknya pergerakan itu hanya mahu struktur penubuhan Puteri Umno dihalusi supaya wujud keharmonian dalam Umno.

"Jangan ada pihak menuduh Wanita Umno, saya atau rakan saya cuba menghalang penubuhan Puteri Umno kerana kami tidak pernah menghalang atau mengatakan tidak mahu.

"Jangan ada lagi pihak membuat rencana dan memburukkan Wanita Umno kerana tuduhan itu dusta. Tetapi jika ada yang masih mengulangi tuduhan itu, saya anggap ia bermotifkan politik, kerana kami tidak pernah menolak Puteri Umno," katanya selepas merasmikan Butik Nur Idaman di Bayan Bay, Bayan Baru, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, pergerakan itu akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, esok untuk mengemukakan pandangan terhadap struktur penubuhan Puteri Umno.

"Perkara ini bukan masalah Wanita Umno saja, sebaliknya masalah Umno secara keseluruhan. Oleh itu, Puteri Umno perlu memiliki struktur yang tidak menjejaskan perjalanan Umno pada peringkat cawangan dan bahagian.

"Sebenarnya, Wanita Umno tidak kisah kerana Puteri Umno tidak membabitkan pergerakan ini. Tetapi sikap sedemikian tidak boleh diamalkan kerana ini hal Umno dan kerjasama kedua-dua Wanita Umno dan Puteri Umno perlu apabila hendak menarik pengundi serta menerangkan isu semasa," katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas majlis Titian Mesra di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini, petang ini Rafidah berkata, pergerakan Wanita Umno mencadangkan ketua dan naib ketua Puteri Umno dilantik secara automatik untuk menganggotai Majlis Tertinggi (MT).

Beliau berkata, kemasukan pemimpin tertinggi Puteri Umno dalam MT akan meramaikan lagi bilangan wanita dalam barisan kepimpinan itu.

Malahan, katanya, jika ketika ini, ketua pergerakan turut menduduki kerusi jawatankuasa cawangan dan bahagian, perkara yang sama juga akan dicadangkan untuk Puteri Umno.

"Langkah ini sebagai sokongan Wanita Umno terhadap penubuhan Puteri Umno dan ia sama sekali tidak mengugat kedudukan Wanita Umno," katanya.

(END)